

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ الَّذِي أَكْرَمَنَا بِنِعْمَةِ الْحُرِّيَّةِ وَالْإِسْتِقْلَالِ.  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْمُخْتَارِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

**Ya Allah,** Tuhan pengembalian segala pengabdian, demi sesungguhnya kami hamba-hambaMu, seluruh penanggung arasy para malaikatMu, bahkan sekalian makhluk, mempersaksikan bahawa Engkaulah Ya Allah zat Maha Esa tanpa sebarang sekutu dan bahawasanya Muhammad itu hamba, jua penyampai risalahMu.

**Ya Allah,** Dengan penuh kerendahan jua kepatuhan hati, kami seluruh bangsa Malaysia memanjatkan syukur ke hadhratMu atas rimbunan rahmatMu, maka pada malam ini kami seluruh warga watan tercinta Malaysia di bumi Darul Iman ini telah disatukan dengan ketentuan kalam qadarMu, berada dalam majlis Bacaan Yasin dan solat Hajat, bersempena **Hari Kebangsaan yang ke - 61** negara Malaysia tercinta. Berkatilah majlis ini **Ya Ilahi**, sehingga ia benar-benar menjadi titik temu dan simpulan kasih setiap hati kami dalam mensyukuri lautan anugerah khususnya kedaulatan watan yang mengalir di setiap denyut nadi kami.

**Ya Allah, Ya Rahman Ya Rahim,**

Demi kekuasaan yang meliputi seluruh ciptaanMu, sesungguhnya kami mewakili seluruh ummat Islam dan bangsa Malaysia amat menyedari betapa mahal dan berharganya nilai nikmat kebebasan, kesejahteraan dan kemakmuran yang telah Engkau kurniakan kepada kami, nikmat menjadi bangsa yang merdeka dan berdaulat dihormati dunia, semuanya ini adalah kurniaan dan siraman ihsanMu, berkat kedaulatan watan dan teduhan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu, jua natijah kesungguhan perjuangan pemimpin Negara dan rakyat jelata mengemudi Negara Malaysia.

**Ya Allah,** janganlah Engkau tinggalkan walau satu jiwa pun dari kalangan para pejuang bangsa dan watan ini, melainkan Engkau limpahkan kasih dan ihsanMu, Maghfirah dan rahmatMu, saadah dan keredhaanMu ke atas mereka sekalian.

**Ya Allah, Ya Rahman Ya Rahim,**

Demi setiap hati kami yang dalam genggamannya, setiap lirik suara kami yang pasti tidak terlepas dari pendegaranMu, setiap gema Amin yang kami mengharapakan istijabahMu.

**Ya Allah,** Engkau satukanlah ikatan yang tererat antara hati kami. Perbaikilah silaturrahim sesama kami dan tunjukilah kami jalan kesejahteraan, berteman keselamatan. Jadikanlah cinta abadi kami kepada watan Malaysia ini benar-benar menjadi simpulan sakti yang menyatukan hati kami, menjadi tonggak perpaduan serta paksi integrasi nasional, bangsa kami dari pelbagai bangsa dan anutannya. Satukan saf kami agar kami benar-benar dapat berta'awun dalam segala kebaikan dan ketaqwaan.

**Ya Allah,** tanpa kesatuan hati dan keluhuran agenda yang berpaut di tingkap rahmatMu, nescaya kami akan menjadi satu bangsa yang lemah, tidak bermaya dan amat rapuh, yang akhirnya akan hancur dek rempuhan fitnah, serangan adu domba di kalangan kami.

**Ya Allah,** kurniakanlah segala inayah dan riayahMu buat payung kedaulatan kami Duli-Duli yang Maha Mulia Raja-Raja sehingga selamat dan sejahtera, berilah taufik dan hidayah hikmah dan kebijaksanaan ketajaman akal fikiran, kehalusan adab pekerti, keiltizaman para pejuang, buat sekalian pemimpin di Negara ini, jua rakyat jelata sekalian, agar segala cita-cita untuk menjadikan Malaysia, negara maju, harmoni dan makmur menjadi realiti dan pasti.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ جَمْعَنَا هَذَا جَمْعًا مَرْحُومًا، وَتَفَرُّقَنَا مِنْ بَعْدِهِ تَفَرُّقًا  
مَعْصُومًا، وَلَا تَجْعَلِ اللَّهُمَّ فِينَا وَلَا مَعَنَا وَلَا مَنْ يَتَّبِعُنَا شَقِيًّا وَلَا مَطْرُودًا  
وَلَا مَحْرُومًا. رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ  
الْخَاسِرِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. آمِينَ.